

MPH selia latihan halal

Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menubuhkan Majlis Profesional Halal (MPH) pada Disember lalu bagi memastikan pengurusan latihan kepada industri dari segi kurikulum dan teknikal berhubung aspek halal lebih seragam.

Ketua Pengarahnya Datuk Othman Mustapha berkata, penubuhan majlis ini diluluskan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam (MKI) kali ke-58 yang bersidang pada 16 Disember 2014.

"MPH menjadi badan penyelia bagi latihan halal dan bertanggungjawab menentukan hala tuju latihan serta memastikan kualiti latihan yang dijalankan mencapai tahap terbaik.

"Hal itu bagi memastikan segala maklumat yang disampaikan kepada industri oleh semua penyedia latihan seragam bagi keberkesanannya," katanya di sini, semalam.

Othman berkata, majlis yang dipengerusikan beliau sendiri dianggotai tujuh ketua agensi kerajaan berkaitan dan tujuh kumpulan pakar dalam kalangan ahli akademik dan wakil industri.

Antara anggotanya ialah



“ MPH menjadi badan penyelia bagi latihan halal dan bertanggungjawab menentukan hala tuju latihan serta memastikan kualiti latihan yang dijalankan mencapai tahap terbaik”

Othman Mustapha

Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JAKIM, Muhamad Nordin Ibrahim yang dilantik sebagai Timbalan Pengerusi, Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Seri Datuk Seri Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Jabatan Standard Malaysia Datuk Fadilah Baharin, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Jabatan Kemahiran Malaysia (JPK) Dr Mohd Rashid Buyong Hamzah, Pengerah Institut Penyelidikan Produk Halal Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Datuk Dr Mohd Yazid Abd Manap dan Timbalan Pengarah Rantaian Bekalan Halal (HSC) Malaysia Institute of Transport (MITRANS) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Dr Harlina Suzana Jaafar.

Othman berkata, semua anggota majlis dilantik Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

"Pada mesyuarat kali pertama pada 13 Julai lalu, majlis bersetuju menubuhkan dua jawatankuasa kecil untuk melancarkan fungsinya iaitu Jawatankuasa Pembangunan Kurikulum Majlis Profesional Halal dan Panel Pengesahan Profesional Halal," katanya.